



International Research Journal of Shariah,
Muamalat and Islam (IRJSMI)

Journal Website: <http://irjsmi.com/>
eISSN: 2682-8553



FAKTOR PENENTU PENGGUNAAN KEMUDAHAN SKIM AR-RAHNU DALAM KALANGAN USAHAWAN WANITA

FACTORS AFFECTING THE USAGE OF AR-RAHNU SCHEME AMONG WOMEN ENTREPRENEUR

Hallieyana Sha'ari¹, Hamid Auni Lukman²

¹ Pensyarah Jabatan Muamalat, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Malaysia.
Email: hallieyana@kias.edu.my

² Guru Sekolah Rendah Ugama (Arab) Darul Ulum Diniyah, Padang Siam Tanah Merah, Kelantan, Malaysia.
Email: hamidauni84@gmail.com

Article Info:

Article history:

Received date: 15.04.2020

Revised date: 03.05.2020

Accepted date: 13.05.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Hallieyana, S., & Lukman, H. A. (2020). Faktor Penentu Penggunaan Skim Ar-Rahnu Dalam Kalangan Usahawan Wanita. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 2 (4), 35-42.

DOI: 10.35631/IRJSMI.24004.

Abstrak:

Penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan atau perniagaan bukanlah sesuatu perkara yang asing dan baru pada hari ini. Seiring dengan perkembangan teknologi, ekonomi dan dunia global, usahawan wanita turut memperlihatkan peningkatan dari segi bilangan malah berjaya setanding dengan usahawan lelaki. Peribahasa yang sinonim dengan wanita sejak bertahun lama "Tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia" sangat sesuai digunakan bagi mempamerkan kehebatan usahawan wanita pada masa kini. Namun, kekangan kewangan yang dihadapi dalam menjalankan perniagaan sedikit sebanyak memberi kesan kepada usahawan wanita kerana bukan semua usahawan wanita mempunyai modal yang cukup. Bantuan kewangan yang disediakan tidak mampu membiayai hampir kesemua usahawan wanita ini. Hal ini membawa kepada ramai usahawan wanita menggunakan alternatif lain seperti kemudahan Ar-Rahnu dalam usaha mendapatkan pembiayaan. Kertas Konsep ini diwujudkan bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan skim Ar-Rahnu dalam kalangan usahawan wanita. Antara faktor-faktor yang difokuskan dalam penggunaan skim Ar-Rahnu di kalangan usahawan wanita ialah sikap, perkhidmatan pelanggan, serta lokasi pengendali Ar-Rahnu.

Kata Kunci:

Usahawan Wanita, Ar-Rahnu, Sikap, Perkhidmatan Pelanggan dan Lokasi

Abstract:

In tandem with the development of technology, economy, and globalization, the number of women entrepreneurs has shown an increase and they have become as good as male entrepreneurs. As the Malay saying goes “the hand that rock the cradle is able to shake the world”. This particular saying has strongly proven that women entrepreneurs' current abilities and achievements. However, the financial constraints have slightly affected the business of the women entrepreneurs as some of them do not possess adequate capital. The distributed financial funds could not suffice their business needs. This issue has led the women entrepreneurs to the using of Ar-Rahnu facilities as an alternative to be obtaining financial funds. Hence, this concept paper was to identify the factors that affecting the usage of the Ar-Rahnu scheme among women entrepreneurs. The attitude, customer service, and location of Ar-Rahnu operators are the main factors focused on the use of the Ar-Rahnu scheme among the women entrepreneurs.

Keywords:

Women Entrepreneur, Ar-Rahnu, Attitude, Customer Service and Location

Pengenalan

Sayyidatina Khadijah yang merupakan isteri kepada Baginda Rasulullah SAW, adalah contoh yang paling jelas mewakili wanita yang berjaya dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Penglibatan usahawan wanita dalam sektor perniagaan di jangka akan meningkat menjelang tahun 2020 sebanyak 23% (ewartar MARA, 2018) dan peningkatan ini sekaligus di lihat sebagai suatu aspek yang positif bagi perkembangan ekonomi negara Malaysia. Tambahan pula, statistik yang dikeluarkan pada tahun 2017 oleh Pertubuhan Pedagang Dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) adalah sebanyak lebih 80% daripada usahawan yang berdaftar dengan persatuan ini merupakan usahawan yang terdiri daripada golongan hawa (Berita Harian Online, 2017).

Statistik dan jangkaan peningkatan penglibatan usahawan wanita ini menunjukkan kaum wanita sememangnya memainkan peranan yang penting dalam perniagaan sekaligus menjadi penyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Menurut Thuaibah et al (2007), dalam kajiannya menyatakan bahawa peranan yang dilaksanakan serta pencapaian yang diperolehi oleh usahawan wanita dalam industri perniagaan pada hari ini membuktikan kemampuan golongan wanita ini dalam menghadapi persaingan.

Penglibatan usahawan wanita yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan pada hari ini sememangnya memerlukan sumber kewangan dan modal pusingan dalam meneruskan legasi perniagaan yang dijalankan walaupun perniagaan mereka hanyalah perniagaan mikro sahaja (Hallieyana dan Hamid, 2019). Hal ini diperkukuhkan lagi dalam artikel Ummi et al (2017) dengan merujuk kajian Yusnidah (2005) iaitu sesebuah perniagaan sukar untuk berkembang tanpa modal dan sumber kewangan yang mencukupi. Oleh yang demikian, kekangan sumber kewangan adalah satu permasalahan yang membelenggu seseorang usahawan sama ada lelaki mahupun wanita dalam menceburi perniagaan (Buerah dan Hussin, 2014). Justeru itu, kerajaan serta badan-badan organisasi sama ada bank, pertubuhan dan persatuan telah ditubuhkan untuk membantu dalam menyediakan kemudahan kewangan kepada usahawan wanita dan juga bakal-bakal usahawan seperti Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Perbadanan Nasional

Berhad (PNS), UDA Holdings Bhd, SME Bank, Bank Pembangunan, Syarikat Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDCs), Bank Rakyat dan Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) (Nurulhayah and Muhammad, 2016).

Sungguhpun bantuan dan kemudahan kewangan yang disediakan oleh kerajaan serta badan-badan organisasi ini ada tersedia, namun bukan semua usahawan wanita menerima kemudahan tersebut (Salimah dan Zakaria, 2018). Ekoran dari itu, ramai usahawan wanita menggunakan skim Ar-Rahnu sebagai platform untuk memperoleh wang tunai dengan segera bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan (Balqis, 2014). Malah, ada dalam kalangan usahawan wanita ini mampu untuk menebus barang kemas atau emas mereka pada hari yang sama mereka mencagarkan barang tersebut dengan hasil keuntungan perniagaan yang diperolehi.

Oleh yang demikian, penulisan kertas konsep ini akan memfokuskan mengenai faktor pendorong usahawan wanita menggunakan kemudahan Ar-Rahnu dalam mendapatkan bantuan kewangan untuk menjalankan perniagaan yang dijalankan. Antara yang difokuskan dalam penentuan penggunaan kemudahan Ar-Rahnu adalah sikap usahawan wanita yang mempengaruhi niat untuk menggunakan skim Ar-Rahnu, perkhidmatan pelanggan yang disediakan oleh pengendali skim Ar-Rahnu dan lokasi pengendali skim Ar-Rahnu.

Definisi Dan Perkembangan Ar-Rahnu Di Malaysia

Ar-Rahnu merupakan satu skim atau kemudahan pajak gadai Islam yang berlandaskan shariah (Nor dan Mohd, 2015; Zainal et al, 2018). Menurut Ishak et al (2019) dengan merujuk Asamadi (2004), Ar-Rahnu merupakan istilah yang diambil dari bahasa Arab iaitu Al-Rahn yang bermaksud menggadaikan atau digadaikan (kena gadai). Disebabkan perkataan Al-Rahn inilah tertubuhnya institusi kewangan Islam yang banyak membantu orang Islam yang amat memerlukan wang segera dalam memulakan perniagaan (Ishak et al, 2019). Kemudahan skim Ar-Rahnu dikatakan sama fungsinya dengan pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh institusi kewangan dan perbankan iaitu bertujuan untuk mendapatkan wang tunai tetapi dengan mencagarkan emas yang dimiliki oleh mereka yang memerlukan tunai tersebut (Majalahlabur, 2019). Hal ini kerana peminjam yang menggadaikan emas untuk mendapatkan wang tunai tidak akan terbeban sekiranya mereka tidak mampu untuk membayar semula pembiayaan kerana telah dicagarkan dengan emas (Norfadilah et al, 2015).

Kemunculan skim gadaian Islam ataupun Ar-Rahnu di Malaysia sememangnya mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutamanya bagi mereka dari golongan yang berpendapatan rendah (Azizah dan Syahrina, 2013). Selain itu, menurut Asiah dan Salmi (2018), perkembangan Ar-Rahnu di Malaysia telah mewujudkan satu fenomena yang berimpak positif kerana telah membuka banyak mata dalam kalangan pihak industri terutamanya institusi kewangan seperti bank dan institusi bukan kewangan seperti pos malaysia, Yayasan Tekun Nasional (TEKUN), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM) untuk memperkenalkan serta menyediakan perkhidmatan Ar-Rahnu di premis perniagaan mereka. Boleh dikatakan kemudahan perkhidmatan Ar-Rahnu banyak disediakan hampir di kesemua negeri yang ada dalam Malaysia (Nur dan Salina, 2017).

Kemudahan skim Ar-Rahnu mula dilaksanakan di Malaysia sekitar tahun 1990-an di mana Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah menyediakan kemudahan skim Ar-Rahnu kepada penduduk Terengganu yang bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan wang tunai dengan cara menggadaikan barang kemas atau emas milik mereka (Kembara, 2018). Selain itu, menurut Balqis (2014) dalam kajian beliau,

penubuhan awal kemudahan skim Ar-Rahnu di negeri Terengganu dan Kelantan adalah dibuktikan dengan penglibatan golongan usahawan wanita terutamanya usahawan mikro dan kecil yang menjadikan Ar-Rahnu ini sebagai sumber kewangan untuk mereka pergi mendapatkan modal wang tunai dengan segera dalam menjalankan perniagaan mereka.

Ini sekaligus mempamerkan bahawa usahawan wanita bijak menguruskan kewangan mereka dan membesarkan perniagaan mereka tanpa perlu berhutang dengan pihak lain sama ada institusi kewangan mahupun institusi bukan kewangan (Balqis, 2014). Hal ini kerana kebiasaan golongan usahawan wanita ini hanya perlu mencagarkan emas mereka pada waktu pagi sebelum menjalankan perniagaan dan akan pergi semula mengambil atau menuntut emas yang dicagarkan tadi selepas selesai berniaga dengan hasil keuntungan yang diperolehi dalam perniagaan pada hari tersebut (Amirul dan Mohamad, 2011).


Kronologi perkembangan skim Ar-Rahnu dari tahun 1992 hingga 2012 di tunjukkan dengan lebih jelas melalui Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Perkembangan skim Ar-Rahnu di Malaysia (1992-2012)

(Tahun)	Pengendali kim Ar-Rahnu	Pengkaji
1992	Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT)	Ishak et al (2019), Kambara (2018), Norfadilah et al (2017), Norfadilah et al (2015), Mohamad et al (2014), Balqis (2014), Nadiyah (2014), Azizah et al (2013), Hanudin et al (2011)
	Permodalan Kelantan Berhad (PKB)	Ishak et al (2019), Kambara (2018), Norfadilah et al (2017), Salimah et al (2017), Norfadilah et al (2015), Mohamad et al (2014), Balqis (2014), Nadiyah (2014), Azizh et al (2013), Hanudin et al (2011)
1993	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPIEM)	Kambara (2018), Norfadilah et al (2017), Balqis (2014), Nadiyah (2014), Azizh et al (2013)
1998	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	Kambara (2018),
2000	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPIEM)	
2002	Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)	
2010	Habib	
2012	Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (Koperasi Tentera)	
	Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia)	Kambara (2018), Nadiyah (2014),

Faktor Pendorong Penggunaan Kemudahan Ar-Rahnu

Kertas konsep ini akan memfokus dan membincangkan beberapa faktor yang mendorong usahawan wanita menggunakan kemudahan Ar-Rahnu dalam menjalankan perniagaan mereka iaitu sikap, perkhidmatan pelanggan dan lokasi pengendali skim Ar-Rahnu. Oleh yang demikian kerangka konsep artikel ini adalah dibentuk seperti berikut:



Rajah 1: Kerangka Konsep

Sikap

Sikap dikatakan suatu tingkah laku yang akan mempengaruhi seseorang untuk menggunakan sesuatu kemudahan berulang-ulang kali yang dapat memberi manfaat kepada mereka yang menggunakannya (Balqis, 2014). Dalam aspek penggunaan kemudahan skim Ar-Rahnu pula, sikap dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi usahawan wanita untuk menggunakan medium pajak gadai sebagai salah satu alternatif untuk memperolehi wang dengan segera kerana jalan penyelesaian untuk mengatasi kekangan kewangan adalah dengan cara gadaian selain daripada berhutang. Menurut Azizah et al (2013) dalam penulisannya menyatakan bahawa mereka yang berkemampuan pastinya tidak sanggup hendak memberikan hutang kepada mereka yang memerlukan walaupun individu tersebut adalah orang yang dipercayainya kecuali dengan adanya sesuatu sebagai cagar.

Dalam kajian Hanudin dan Rosita (2011), sikap sememangnya mempengaruhi niat untuk menggunakan gadaian Islam iaitu Ar-Rahnu di mana semakin positif sikap seseorang individu semakin tinggi kecenderungan mereka memilih penggunaan kemudahan skim pajak gadai Islam iaitu Ar-Rahnu. Faktor sikap seseorang individu sangat mempengaruhi niat tingkah laku individu untuk menggunakan sesuatu kemudahan selari dengan kesesuaian sikap dalam Teori Tingkah Laku yang dirancang (Theory of Planned Behavior). Oleh yang demikian, usahawan wanita lebih gemar menggunakan institusi pajak gadai Islam sebagai salah satu alternatif untuk mendapat wang dengan segera di mana mereka dapat menebus kembali barang gadaian mereka dalam tempoh yang singkat di samping kos upah yang rendah.

Perkhidmatan Pelanggan

Kemudahan perkhidmatan skim Ar-Rahnu bukanlah sesuatu objek yang boleh dilihat, disentuh mahupun dirasa namun, servis perkhidmatan ini memainkan peranan yang penting kepada pengendali skim Ar-Rahnu (Ishak et al, 2019). Perkhidmatan pelanggan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan yang diperlukan oleh pelanggan. Perkhidmatan merupakan suatu perkara yang tidak boleh disentuh, di lihat mahupun di rasa namun perkhidmatan terbaik yang disediakan oleh sesebuah institusi pastinya memberikan impak positif serta persepsi yang baik kepada pelanggan (Mohamed et al, 2014). Oleh yang demikian, setiap pengendali skim Ar-Rahnu di Malaysia seharusnya menawarkan

perkhidmatan yang mudah dan cepat untuk meminjam wang kepada semua kategori pelanggan tanpa mengira bangsa dan agama mereka.

Menurut Ishak et al (2019), perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengendali skim Ar-Rahnu adalah lebih mudah dan cepat berbanding dengan institusi perbankan dan kewangan kerana instituti pajak gadai Islam tidak memerlukan banyak prosedur yang ketat serta dokumen yang banyak. Hal ini pastinya mendorong usahawan terutamanya usahawan wanita yang sedia ada mahupun yang baru akan menggunakan kemudahan skim Ar-Rahnu untuk mendapatkan kemudahan wang tunai.

Lokasi Pengendali Skim Ar-Rahnu

Lokasi pengendali kemudahan skim Ar-Rahnu seharusnya disediakan di kawasan tumpuan perniagaan usahawan kerana majoriti usahawan terutamanya usahawan wanita lebih memilih untuk menggunakan kemudahan perkhidmatan skim Ar-Rahnu yang hampir dengan tempat perniagaan mereka jalani. Lokasi bagi sesebuah Ar-Rahnu dikatakan memberi kesan kepada kesedaran pengguna mengenai skim Ar-Rahnu (Balqis, 2014). Menurut Mohamad et al (2014) dalam kajian mereka menyatakan bahawa lokasi pengendali kemudahan skim Ar-Rahnu merupakan faktor signifikan terhadap pembangunan institusi gadaian.

Namun, dalam kajian Balqis (2014) dengan merujuk kepada Amin et al., (2007) pula mengatakan bahawa faktor lokasi bagi institusi Ar-Rahnu adalah kurang penting di dalam penerimaan skim Ar-Rahnu. Walaupun begitu, faktor lokasi bagi sesebuah pengendali skim Ar-Rahnu dipercayai dapat menarik perhatian serta memberi kesan yang positif sekaligus kesedaran mengenai ilmu dan kemudahan pajak gadai kerana lokasi institusi Ar-Rahnu yang strategik yang hampir dengan tempat perniagaan usahawan jalani. Menurut Ishak et al (2019) dengan merujuk kepada kajian Evi (2019), institusi Ar-Rahnu dicadangkan untuk terus menerus memperluaskan kemudahan gadaian terutamanya gadaian secara Islam ke serata tempat agar dapat di akses oleh masyarakat yang beragama Islam.

Cadangan

Melalui dapatan yang diperolehi daripada beberapa orang pengkaji sebelum ini terhadap penggunaan skim Ar-Rahnu, jelaslah bahawa kemudahan Ar-Rahnu sememangnya mampu membantu golongan usahawan terutama sekali usahawan wanita dalam memperoleh wang dengan segera bagi meneruskan kelangsungan perniagaan. Hal ini kerana institusi perbankan serta kewangan belum tentu dapat memberi kemudahan kewangan disebabkan oleh prosedur dan syarat bank yang ketat. Malah, kemudahan serta bantuan daripada kerajaan juga tidak dapat memenuhi kehendak semua para usahawan di Malaysia kerana golongan peniaga yang memohon bantuan kewangan amatlah ramai dan ini menyukarkan usahawan yang membutuhkan wang dengan kadar segera bagi pusingan modal setiap hari.

Justeru, kajian empirikal ke atas faktor sikap, perkhidmatan pelanggan dan lokasi, perlu dijalankan dengan mengambil kira beberapa faktor lain seperti faktor syariah, kos upah, pengetahuan tentang Ar-Rahnu bagi mengenalpasti faktor penerimaan pelanggan terhadap skim Ar-Rahnu dengan lebih terperinci. Selain itu, dicadangkan juga kajian seterusnya dibuat terhadap golongan usahawan belia serta usahawan yang berada di luar bandar sebagai responden dengan menggunakan kaedah kajian secara kuantitatif dan kualitatif dalam mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penggunaan kemudahan skim Ar-Rahnu ini.

Kesimpulan

Penerimaan penggunaan skim Ar-Rahnu dalam kalangan usahawan berdasarkan kepada faktor sikap, perkhidmatan pelanggan dan lokasi pengendali skim Ar-Rahnu sememangnya mempengaruhi usahawan wanita dalam usaha mendapatkan kemudahan pembiayaan wang dengan segera. Artikel ini dapat memberi gambaran awal dalam menerangkan sesuatu gelagat yang melibatkan penerimaan pengguna terutamanya pelanggan dalam bidang yang berkaitan dengan kewangan Islam iaitu Ar-Rahnu atau pajak gadai Islam.

Rujukan

- Amirul, A. M., Hardi, E. R., & Mohamad, N. J. (2011). The Non-Muslim Respond Towards Ar-Rahnu (Islamic Pawn Broking) Service: An Empirical Study on the Ar-Rahnu Clients of Klang Valley, Malaysia. *Colloquium on Humanities, Science and Engineering Research (CHUSER)*, (2011).
- Asiah, A. S., & Salmy, E. Y. (2018). Cabaran dan Alternatif Penyelesaian Bagi Penyedia Perkhidmatan Ar-Rahnu di Malaysia. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*. Vol.5, NO.1 (2018) 31-43.
- Azizah, O., Norashidah, H., & Syahrina, A. (2013). Perkembangan Ar-Rahnu di Terengganu: Kajian Kes Terhadap Ar-Rahnu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *Prosiding PERKEM VIII, Jilid 2* (2013) 951-959. ISSN:2231-962X.
- Balqis, Y. (2014). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Usahawan Kecil Muslim Terhadap Skim Ar-Rahnu (Pajak Gadai Islam). *Masters Thesis, Universiti Utara Malaysia*.
- Berita Harian. BH Online. Usahawan Wanita Kuasai Perniagaan. Dipetik pada 9 Februari 2020 dari: <https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2017/12/364356/usahawan-wanita-kuasai-perniagaan>
- Buerah, T., & Hussin, S. (2014). Perubahan Sikap Keusahawanan Usahawan Melayu Di Malaysia. *Journal of Sciences and Humanities*. Vol. 9, No. 1 (2014) 098-116.
- eWARTA MARA. (2018). Lebih Ramai Wanita Dalam Bidang Keusahawanan Menjelang 2020. Dipetik pada 9 Februari 2020 dari: <https://ewarta.mara.gov.my/2018/04/19/lebih-ramai-wanita-dalam-bidang-keusahawanan-menjelang-2020-shahrizat/>
- Hallieyana, S., & Hamid, A. L. (2019). Faktor Pendorong Penglibatan Usahawan Wanita Dalam Perniagaan. *Prosiding Persidangan Muslimah Antarabangsa kelantan 2019*. ISBN: 978-983-2306-34-4.
- Hanudin, A., & Rosita, C. (2011). Determinants For Ar-Rahnu Usage Intentions: An Empirical Investigation. *African Journal of Business Management*. Vol. 5(20), pp.8181-8191.
- Ishak, H. A. R., Rohaizad, H., Abdullah, S. O., & Azmi, A. (2019). Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Ar-Rahnu (Islamic Pawnshop). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Volume 4 Issue:25. pp. 15-23. e-ISSN: 0128-1755
- Kambara, K. (2018). The Role of Islamic Collateral Loans (Ar-Rahnu) in The Malaysian Credit System: Evidence From Customer's Borrowing Behaviors. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studie*. Pp. 109-127.
- Majalahlabur. (2019). Ketahui Apa Itu Ar-Rahnu, Dan Mengapa Ianya Lebih Baik Daripada Pembiayaan Peribadi. Dipetik pada 13 Januari 2020 dari: <https://www.majalahlabur.com/pembiayaan/ar-rahnu-lebih-baik-daripada-pembiayaan-peribadi/>

- Mohamad, A. H., Ishak, A. R., & Ahmad, N. A. H. (2014). Factors Affecting The Acceptance on Ar-Rahnu (Islamic Based Pawn Broking): A Case Study of Islamic Banking in Malaysia. *The Macrotheme Review* 3(4). Spring 2014.
- Nadiah, N. B. (2014). Factors Of Customer's Intention To Use Ar-Rahnu At Post Office: A Case Study in Kedah. Masters Thesis. Universiti Utara Malaysia.
- Nur, N. A. R., & Salina, H. K. (2017). Factors Influencing Acceptance of Ar-Rahnu: Comparison Between Private and State Ar-Rahnu Providers in Terengganu. *Middle East J. Management*. Vol. 4.
- Nurulhayah, Muhamad., & Muhammad, H. A. (2016). Faktor Yang Mendorong Kejayaan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) MARA Di Daerah Melaka Tengah. *Journal of Business Innovation*. Vol.1, No 2/2016: 31-44.
- Nor, Z. B. M. N., & Mohd, A. I. (2015). A Study On The Efficacy Of Islamic Pawn Broking Services In Fulfilling Socio-Economic Needs: A Case Of Two Cities-Kuantan And Kuala Terengganu In Malaysia. *International Journal Of Social Science*. ISSN 2454-5899.
- Norfadilah, B., Nurul, W. A., Wan, S. S. S., & Khairul, A. A. (2017). Analisis Kadar Upah di Institusi Ar-Rahnu. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (IcoMM 2017). e-ISBN: 978-967-2122-15-9.
- Nor Fadilah, B., Zurina, S., Nurul, W. A., Shafina, F., & Wan, S. S. S. (2015). A Review On The Regulation And Conflicting Issues Of Ar-Rahnu Operation In Malaysia. Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd IcoMM). e-ISBN: 978-967-0850-25-2.
- Salimah, Y., & Zakaria, B. (2018). Level Of Acceptance of Muslim Small-Scale Entrepreneurs In Kelantan Towards Ar-Rahnu. *International Journal of Academic Research In Business & Social Sciences*. ISSN: 2222-6990.
- Thuaibah, A. B., Azlah, M. A., Roseyta, O., Hishamuddin, M. S., & Syaharizatul, N. M. (2007). Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Negeri Johor; Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan Dan Kegagalan Pengendalian Perniagaan. Vot 75087. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ummi, M. S. M. Z., Aidatul, N. H. A., Mohamed, R. M., Wan, S. W. H., & Wan, S. S. S. (2017). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Wanita Tekun: Satu Kajian Di Daerah Hulu Langat. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah*. e-ISBN: 978-967-2122-15-9.
- Zainal, A. Z. A., Amirul, S. M. G., Juliza, M., Aza, A. M. K., & Hafezal, I. H. (2018). Assessing The Key Success Of Ar-Rahnu Usage In Malaysia. *International Journal Of Engineering & Technology*. 46-49.